

LANGKAWI, 4 APRIL (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMMED BERKATA KERAJAAN MEMERLUKAN SETIAP ANGGOTA KERAJAAN MENUMPUKAN SEPENUH PERHATIAN KEPADA TUGAS DAN TIDAK ADA TEMPAT UNTUK +PENUMPANG+ DIDALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA.

BELIAU MENAMBAH SEBAGAI DORONGAN, KERAJAAN TELAH PUN MENGUTAMAKAN SISTEM MERIT DALAM SOAL KENAIKAN PANGKAT DALAM ETHIKA PERKHIDMATAN AWAM UNTUK MENJAMIN MUTU PERKHIDMATAN YANG BAIK.

+KERAJAAN TIDAK AKAN TERAGAK-AGAK UNTUK MENASIHATKAN MANA-MANA ANGGOTA KERAJAAN APA PANGKATPUN SUPAYA BERSARA JIKA TIDAK MENYESUAIKAN DIRI DENGAN KEHENDAK BEBAN TUGAS YANG DIPERTANGGUNG-JAWABKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR PERLAKSANAAN PEMBANGUNAN NEGERI KEDAH DISINI HARI INI.

SEMINAR SELAMA TIGA HARI ITU DIANJURKAN BERSAMA OLEH KERAJAAN NEGERI KEDAH DAN INTAN.—BERSAMBUNG 1315/MK

MAHATHIR 2 LANGKAWI

SESUATU RANCANGAN PEMBANGUNAN HANYA AKAN TERJAMIN KEJAYAANNYA SETELAH DILAKSANAKAN MENGIKUT GARIS-GARIS PANDUAN YANG TELAH DISUSUN DAN FAEDAH-FAEDAHNYA DISAMPAIKAN KEPADA GOLONGAN YANG MENJADI SASARAN, UJARNYA.

+RANCANGAN MALAYSIA KETIGA TELAH MENGALAMI BEBERAPA KEGAGALAN DARI SEGI PENCAPAIAN MATLAMAT KERANA MASALAH PERLAKSANAAN SEPERTI PENGAMBILAN SEMULA TANAH, KEKURANGAN TENAGA MANUSIA YANG TERLATIH, KEKURANGAN BAHAN-BAHAN BINAAN, KURANG SEMPURNANYA PENYELARASAN DIANTARA PERANCAN DAN PERLAKSANAAN DAN PERHUBUNGAN DIANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI.

+UNTUK MENGATASI KELEMAHAN DAN MASALAH INI, MAKA JAWATANKUASA KABINET MENGENAI PERLAKSANAAN DIBENTUK UNTUK MENELITI LANGKAH-LANGKAH YANG PERLU DIAMBIL UNTUK MEMPERCEPATKAN LAGI PERLAKSANAAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN.

+MENJELANG TAHUN 1990, KERAJAAN AKAN DIHAKIM OLEH RAKYAT SEJAUH MANA KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI DIDALAM MELAKSANAKAN DASAR EKONOMI BARU DAN INI BERGANTUNG KEPADA KEJAYAAN MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PROGRAM PEMBANGUNAN YANG TELAH DIANJUKAN+, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.—BERSAMBUNG 1325/MK

MAHATHIR 3 LANGKAWI

+PERANCANGAN PEMBANGUNAN YANG KITA AMALKAN SEKARANG TIDAK DICONTONGKAN DARI MANA-MANA MODAL PEMBANGUNAN YANG TELAH DILALUI OLEH NEGARA-NEGARA MAJU+.

+ASPEK PEMBAHAGIAN FAEDAH-FAEDAH PEMBANGUNAN DENGAN LEBIH ADIL DAN SAKSAMA ADALAH DIUTAMAKAN DAN PROSES PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN EKONOMI HENDAKLAH JUGA DISEIMBANGKAN DENGAN PROSES PEMBAHAGIAN HASIL-HASILNYA+.

PEMBANGUNAN YANG SEIMBANG DENGAN PEMBAHAGIAN YANG LEBIH ADIL DAN SAKSAMA ADALAH RUPA BENTUK PEMBANGUNAN YANG INGIN KITA WUJUDKAN UNTUK MENJAMIN KESEHATERAAN NEGARA, TAMBAH DATUK SERI DR. MAHATHIR.—BERNAMA 1328/MK